

GARIS PANDUAN PEMBERIAN ANUGERAH PENYELIDIK CEMERLANG (APC) DAN PENGHARGAAN SEMPENA MAJLIS ANUGERAH PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (APUMS)

1.0 LATAR BELAKANG

Kakitangan akademik merupakan kumpulan yang penting dalam pembangunan penyelidikan universiti. Oleh yang demikian, penganjuran Majlis Anugerah Penyelidikan UMS (APUMS) melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) adalah sebagai satu medan pengiktirafan kepada kakitangan akademik yang telah menjalankan penyelidikan berkualiti dan mengharumkan nama universiti di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Pengiktirafan ini merupakan galakan daripada pihak universiti agar kakitangan akademik lebih bersemangat untuk meningkatkan kecemerlangan universiti dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan lain-lain.

Garis panduan ini diwujudkan bagi memastikan dasar dan kaedah pemberian anugerah dan penghargaan semasa majlis tersebut diberi dengan adil dan tepat. Bagi memastikan segala urusan pemberian anugerah dan penghargaan ini teratur dan tersusun maka adalah menjadi tanggungjawab pihak urusetia untuk menyediakan segala maklumat yang benar dan teratur. Kaedah pemberian anugerah adalah berdasarkan kepada maklumat yang telah disahkan di dalam Sistem Maklumat Penyelidikan dan Inovasi (SMPPI) dan lain-lain rekod universiti.

2.0 OBJEKTIF

Majlis Anugerah Penyelidikan UMS (APUMS) dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i) Mengiktiraf kepakaran atau kecemerlangan dan memberikan sanjungan kepada penyelidik melalui pemberian Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) seperti berikut:
 - a. APC Kategori Penyelidik Malim (RM3,000 x 2 orang)
 - b. APC Kategori Penyelidik (RM2,000 x 2 orang)
 - c. APC Kategori Penyelidik Muda (RM1,000 x 2 orang) / APC Kategori Penyelidik Muda Harapan (RM1,000 x 2 orang)
 - d. APC Kategori Ekspatriat (RM1,000 x 1 orang)

- ii) Menghargai, mendorong dan menggalakkan kejayaan kakitangan akademik yang telah mengharumkan nama UMS melalui aktiviti penyelidikan, inovasi, penerbitan serta pengkomersialan melalui pemberian anugerah serta penghargaan seperti berikut:
- a) Anugerah Sitasi Tertinggi Dalam Penerbitan Jurnal Berindeks Scopus (RM1,000 X 3) (Bidang Sains & Teknologi)
 - b) Anugerah Sitasi Tertinggi Dalam Penerbitan Jurnal Berindeks Scopus (RM1,000 X 3) (Bidang Sains Sosial)
 - c) Anugerah 10 Penyumbang Tertinggi MyRA UMS (Bidang Sains & Teknologi)
 - d) Anugerah 10 Penyumbang Tertinggi MyRA UMS (Bidang Sains Sosial)
 - e) **Anugerah** Penyumbang Tertinggi Artikel Berimpak (Bidang Sains & Teknologi)
 - f) **Anugerah** Penyumbang Tertinggi Artikel Berimpak (Bidang Sains Sosial)
 - g) Penghargaan Inovasi dan Rekapipta Penyelidikan (Sijil Penghargaan)
 - h) Penghargaan Anugerah Khas dalam Inovasi dan Rekapipta Penyelidikan (Sijil Penghargaan)
 - i) Penghargaan Penerbitan Buku (Sijil Penghargaan)
 - j) Penghargaan Penerbitan Bab dalam Buku (Sijil Penghargaan)
 - k) Penghargaan Penerbitan Makalah Jurnal Berindeks yang Berfaktor Impak (Sijil Penghargaan)
 - l) Penghargaan Penerbitan Prosiding Berindeks yang Berfaktor Impak (Sijil Penghargaan)
 - m) Penghargaan Penerbitan Jurnal Berindeks yang tidak Berfaktor Impak (Sijil Penghargaan)
 - n) Penghargaan Harta Intelek (Sijil Penghargaan)
 - o) Penghargaan Pemindahan Teknologi & Pengetahuan (Sijil Penghargaan)
 - p) Penghargaan Pengkomersialan (Sijil Penghargaan)
 - q) Penghargaan Penjana Pendapatan Perkhidmatan Kepakaran (Sijil Penghargaan)
 - r) Penghargaan Penerimaan Geran Kebangsaan, Swasta dan Antarabangsa (Sijil Penghargaan)
 - s) Penghargaan Pencapaian MyRA Peringkat FAPI UMS: i. 5 Bintang (**RM 2,000**) iii. 6 Bintang (**RM 15,000**)
 - t) Penghargaan Penyelidik UMS Dengan Jumlah Sitasi Terbanyak Dalam Scopus Tahun **2024** (Bidang Sains & Teknologi)
 - u) Penghargaan Penyelidik UMS Dengan Jumlah Sitasi Terbanyak Dalam Scopus Tahun **2024** (Bidang Sains Sosial)

- iii) Menghargai kakitangan akademik yang telah membantu Ekosistem P&I UMS dalam melaksanakan penilaian geran penyelidikan di peringkat universiti.

3.0 ANUGERAH KHAS TUN CANSOLOR

No.	Kategori	Kelayakan	Asas Penilaian	Bilangan Penerima	Insentif & Hadiah
1.	Anugerah Khas Tun Canselor	Seorang Profesor yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi Anugerah Khas Tun Canselor adalah seperti berikut: i. Telah berkhidmat dengan UMS bagi tempoh sekurang – kurangnya 24 bulan dalam tempoh 3 tahun ke belakang. ii. H-index (Scopus)>10. iii. Bebas dari tindakan tatatertib.	Penilaian adalah berdasarkan kepada kecemerlangan penerima dalam menjalankan penyelidikan berimpak kepada masyarakat terutamanya yang membantu komuniti di Sabah. Kriteria tambahan: i. Pernah menjawat mana – mana portfolio di peringkat negeri atau kebangsaan yang mengkhususkan kepada pembangunan mahupun penyelidikan dalam masyarakat di Sabah. ii. Pernah menerima pengiktirafan atau anugerah sekurang – kurangnya di peringkat negeri. iii. Pernah menerima sanjungan dari komuniti setempat ke atas sumbangan dan jasa yang ditaburkan sama ada dalam bentuk perlantikan jawatankuasa atau pengiktirafan.	1 orang	Penerima anugerah akan menerima: i. Plak ii. Sijil iii. Wang tunai RM 5,000.00 seorang

4.0 KATEGORI DAN KRITERIA ANUGERAH PENYELIDIK CEMERLANG (APC)

Bil.	Kategori	Kelayakan	Asas Penilaian	Bilangan Penerima	Insentif & Hadiah
1.	Malim	Seorang Profesor yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi anugerah APC Kategori Malim adalah seperti berikut: - Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh penilaian dibuat. - Mencapai markah penilaian LNPT 90% ke atas bagi tahun penilaian. - H-index (Scopus) > 10. - Bebas daripada tindakan tatatertib.	Merupakan pemimpin dalam bidang penyelidikan keutamaan yang berkaitan dengan penyelidik. Penilaian adalah berdasarkan kepada kecemerlangan penyelidikan dalam tahun penilaian. Penyelidikan tersebut hendaklah dijalankan semasa perkhidmatan dalam UMS. Kriteria tambahan: - Memperolehi geran luar pada tahun penilaian dengan jumlah penerimaan (<i>amount received</i>) sekurang-kurangnya RM250,000.00 (Kategori Sains & Teknologi) dan RM150,000.00 (Kategori Sains Sosial). - atau - Memperolehi geran luar sebagai penyelidik bersama dengan jumlah sekurang-kurangnya RM 500,000.00 (Sains & Teknologi) dan RM 300,000.00 (Sains Sosial) dalam tahun penilaian melalui minimum tiga geran penyelidikan. - Sitasi (Scopus) tahun penilaian sekurang-kurangnya 160 (Kategori Sains dan Teknologi) dan 80 (Kategori Sains Sosial). - Penerbitan sekurang-kurangnya 8 Q1 (Scopus) dalam tahun penilaian. - Jaringan kerjasama penyelidikan sekurang-kurangnya 1 MOU/MOA/RA dalam tahun penilaian.	Satu penerima anugerah akan dipilih bagi setiap bidang tersebut: - Bidang Sains & Teknologi - Bidang Sains Sosial	Penerima anugerah akan menerima: - Sijil Anugerah Penyelidik Cemerlang Kategori Malim. - Wang tunai RM3,000 seorang

Bil.	Kategori	Kelayakan	Asas Penilaian	Bilangan Penerima	Insentif & Hadiah
2.	Penyelidik	Pensyarah yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi anugerah APC Kategori Penyelidik adalah seperti berikut: 1. Pensyarah memegang jawatan gred DS13 hingga DS14. 2. Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh penilaian dibuat. 3. Mencapai markah penilaian LNPT 90% ke atas pada tahun penilaian. 4. Bebas daripada tindakan tatatertib.	Penilaian adalah berdasarkan kepada kecemerlangan penyelidikan dalam tempoh yang dinilai sahaja. Penyelidikan tersebut hendaklah yang dijalankan semasa dibawah perkhidmatan dengan UMS. Kriteria Tambahan: 1. Memperolehi geran luar pada tahun penilaian dengan jumlah penerimaan (amount received) sekurang-kurangnya RM150,000.00 (Kategori Sains dan Teknologi) dan RM 100,000.00 (Kategori Sains Sosial) 2. Sitasi (Scopus) tahun penilaian sekurang-kurangnya 120 (Kategori Sains dan Teknologi) dan 60 (Kategori Sains Sosial). 3. Penerbitan sekurang-kurangnya 3 Q1 (Scopus) dalam tahun penilaian.	Satu penerima anugerah akan dipilih bagi setiap bidang tersebut: 1. Bidang Sains & Teknologi 2. Bidang Sains Sosial	Penerima anugerah akan menerima: 1. Sijil Anugerah Penyelidik Cemerlang Kategori Penyelidik. 2. Wang tunai RM2,000 seorang

Bil.	Kategori	Kelayakan	Asas Penilaian	Bilangan Penerima	Insentif & Hadiah
3.	Penyelidik Muda	Pensyarah yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi anugerah APC Kategori Penyelidik Muda adalah seperti berikut: 1. Pensyarah dalam gred DS13 dan ke bawah. 2. Umur tidak melebihi 40 tahun semasa penilaian dibuat. 3. Mencapai markah penilaian LNPT 90% ke atas pada tahun penilaian. 4. Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh penilaian dibuat. 5. Bebas daripada tindakan tatatertib.	Penilaian adalah berdasarkan kepada kecemerlangan Penyelidikan dalam tempoh yang dinilai sahaja. Penyelidikan tersebut hendaklah yang dijalankan semasa dalam perkhidmatan dengan UMS. Kriteria Tambahan: 1. Memperolehi geran luar pada tahun penilaian dengan jumlah penerimaan (amount received) sekurang-kurangnya RM60,000.00 (Kategori Sains & Teknologi) dan RM30,000.00 (Kategori Sains Sosial). 2. Sitasi (Scopus) tahun penilaian sekurang-kurangnya 80 (Kategori Sains & Teknologi) dan 40 (Kategori Sains Sosial). 3. Penerbitan sekurang-kurangnya 2 Q1 (Scopus) dalam tahun penilaian.	Satu penerima anugerah akan dipilih bagi setiap bidang tersebut: 1. Bidang Sains & Teknologi 2. Bidang Sains Sosial	Penerima anugerah akan menerima: 1. Sijil Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) Kategori Penyelidik Muda. 2. Wang tunai RM1,000 seorang
	Penyelidik Muda Harapan	Sekiranya calon tidak menepati sepenuhnya kriteria APC Kategori Penyelidik Muda, calon tersebut boleh dipertimbangkan untuk menerima Anugerah Penyelidik Muda Harapan.			Penerima anugerah akan menerima: 1. Sijil Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) Kategori Penyelidik Muda Harapan. 2. Wang tunai

				RM1,000 seorang
--	--	--	--	-----------------

Bil.	Kategori	Kelayakan	Asas Penilaian	Bilangan Penerima	Insentif & Hadiah
4.	Ekspatriat	Pensyarah yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi anugerah APC Kategori Penyelidik Ekspatriat adalah seperti berikut: 1. Pensyarah ekspatriat. 2. Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh penilaian dibuat. 3. Mencapai markah penilaian LNPT 90% ke atas pada tahun penilaian. 4. Bebas daripada tindakan tatatertib.	Penilaian adalah berdasarkan kepada kecemerlangan penyelidikan dalam tempoh yang dinilai sahaja. Penyelidikan tersebut hendaklah yang dijalankan semasa dalam perkhidmatan dengan UMS. LETAK JUMLAH OENERIMAAN GERAN	Tertakluk kepada keputusan mesyuarat JK Panel Penilai APUMS	Penerima anugerah akan menerima: 1. Sijil Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) Kategori Penyelidik Ekspatriat. 2. Wang tunai RM1,000 seorang.

Pemilihan penerima adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pencalonan APUMS.

5.0 SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI KATEGORI PEMBERIAN PENGHARGAAN

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
1.	Anugerah Sitasi Tertinggi Dalam Penerbitan Jurnal Berindeks Scopus (Bidang Sains dan Teknologi)	Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh genap 5 tahun atau lebih pada tarikh penilaian dibuat. Bilangan sitasi yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun ke belakang dalam pangkalan data Scopus. Tidak pernah menerima anugerah yang sama dalam Majlis APUMS edisi tahun sebelum.	3 penerima	-	Sijil penghargaan dan wang tunai RM1,000 seorang
2.	Anugerah Sitasi Tertinggi Dalam Penerbitan Jurnal Berindeks Scopus (Bidang Sains Sosial)	Berkhidmat dengan UMS bagi tempoh genap 5 tahun atau lebih pada tarikh penilaian dibuat. Bilangan sitasi yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun ke belakang dalam pangkalan data Scopus. Tidak pernah menerima anugerah yang sama dalam Majlis APUMS edisi tahun sebelum.	3 penerima	-	Sijil penghargaan dan wang tunai RM1,000 seorang
3.	Penghargaan Inovasi dan Rekacipta Penyelidikan	Penghargaan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI.	i. Penghargaan diberikan berasaskan produk yang dipertandingkan. ii. Penyertaan dalam pameran tersebut adalah atas nama Universiti Malaysia Sabah iaitu melalui Pusat Penyelidikan	Sijil penghargaan.

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
				dan Inovasi. iii. Rekacipta tersebut merupakan hak milik dan didaftarkan di Universiti Malaysia Sabah.	
4.	Penghargaan Anugerah Khas Inovasi dan Rekacipta Penyelidikan	Penghargaan ini diberikan kepada penerima Anugerah Khas dalam pameran bagi dua kategori: a) Dalam Negara b) Luar Negara	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI.	i. Penyertaan dalam pameran tersebut adalah atas nama Universiti Malaysia Sabah dan melalui Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan. ii. Penilaian pencapaian Anugerah Khas tidak dibezakan kepada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. iii. Rekacipta tersebut mesti didaftarkan dan merupakan hak milik Universiti Malaysia Sabah.	Sijil penghargaan.
5.	Penghargaan Penerbitan Buku	Penghargaan ini diberikan kepada buku ilmiah asli yang diterbitkan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa pada tahun penilaian dan memberi impak kepada pembinaan ilmu atau peningkatan taraf hidup manusia sejagat.	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan.	i. Untuk tujuan penghargaan ini, karya ilmiah bermaksud penulisan yang sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan. Yang dimaksudkan dengan	Sijil penghargaan.

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
				karya asli ialah karya yang ditulis oleh pengarang sendiri atau bersama dengan pengarang lain, dan bukan karya hasil terjemahan, adaptasi, atau yang mempunyai unsur-unsur ciplakan. ii. Karya ini mestilah merupakan karya yang berkesinambungan dan integratif sifatnya, bukan koleksi kertas kerja, kompilasi esei atau laporan yang dihasilkan oleh seorang atau beberapa orang penulis atau sebagai penyunting. iii. Penulis mestilah berkhidmat di UMS semasa penerbitan. iv. Buku suntingan dan buku teks tidak diambilkira.	
6.	Penghargaan Penerbitan Bab dalam Buku	Penghargaan ini diberikan kepada bab dalam buku ilmiah asli yang diterbitkan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa pada tahun penilaian dan memberi impak kepada pembinaan ilmu atau peningkatan taraf hidup manusia sejagat.	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan	i. Untuk tujuan Penghargaan ini, karya ilmiah bermaksud penulisan yang sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan. Yang dimaksudkan dengan karya asli ialah karya yang ditulis oleh pengarang sendiri atau bersama dengan pengarang lain, dan bukan karya hasil	Sijil penghargaan.

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
				terjemahan, adaptasi, atau yang mempunyai unsur-unsur plagiat. Buku yang dimaksudkan mestilah berkesinambungan dan berintegratif. ii. Bab yang merupakan sebahagian daripada koleksi kertas kerja, kompilasi esei atau laporan dalam sesebuah buku tidak diambilkira. iii. Penulis mestilah berkhidmat di UMS semasa penerbitan. iv. Penulis hendaklah menulis satu bab dalam satu buku.	
7.	Penghargaan Penerbitan Makalah Jurnal Berindeks Yang Berfaktor Impak	Penghargaan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah/ penyelidik yang menghasilkan makalah dalam jurnal berfaktor impak bagi tahun penilaian dan memberi impak kepada peningkatan MyRA Universiti	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan.	i. Hanya jurnal yang diindekskan oleh WOS/SCOPUS/ERA yang akan diberikan penghargaan dan berada dalam kuartil Q1-Q4. ii. Penerbit yang disenaraihitamkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan dipertimbangkan. iii. Hanya penulis yang makalahnya beralamat di UMS sahaja layak diberi penghargaan. iv. Pemberian penghargaan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan jurnal yang layak.	Sijil penghargaan.

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
				v. Hanya artikel yang telah diterbitkan dan mempunyai nama jurnal, jilid, muka surat dan tahun penerbitan yang diterima.	
8.	Penghargaan Penerbitan Prosiding Berindeks Yang Berfaktor Impak	Penghargaan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah/ penyelidik yang menghasilkan prosiding berfaktor impak bagi tahun penilaian dan memberi impak kepada peningkatan MyRA Universiti	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan.	i. Hanya prosiding yang diindekskan oleh WOS/SCOPUS/ERA yang akan diberikan penghargaan dan berada dalam kuartil Q1-Q4. ii. Penerbit yang disenaraihitamkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan dipertimbangkan. iii. Hanya penulis yang makalahnya beralamat di UMS sahaja layak diberi penghargaan. iv. Pemberian penghargaan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan jurnal yang layak. v. Hanya artikel yang telah diterbitkan dan mempunyai nama jurnal, jilid, muka surat dan tahun penerbitan yang diterima.	Sijil penghargaan.
9.	Penghargaan Penerbitan Jurnal Berindeks Tidak Berfaktor Impak	Penghargaan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah/ penyelidik yang menghasilkan makalah dalam jurnal terindeks bagi tahun penilaian (tiada faktor impak) tetapi memberikan markah	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada kelayakan setiap penyertaan.	i. Hanya jurnal terindeks dalam WOS/Scopus/ERA/MyCITE. ii. Penerbit yang disenaraihitamkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan dipertimbangkan.	Sijil penghargaan.

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan		Insentif & Hadiah	
		kepada peningkatan MyRA.		iii. Hanya penulis yang makalahnya beralamat di UMS sahaja layak diberi penghargaan. iv. Pemberian penghargaan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan artikel yang layak. v. Hanya artikel yang telah diterbitkan dan mempunyai nama jurnal, jilid, muka surat dan tahun penerbitan yang diterima.			
10.	Penghargaan Harta Intelek	Penghargaan ini dibahagikan kepada kategori harta intelek berikut: i. <i>Paten</i> ii. <i>Utility Innovation</i> iii. <i>Industrial Design</i> iv. <i>Trademark</i> v. <i>Copyright</i> vi. <i>Trade Secret</i>	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI	Pencalonan dan penilaian adalah berdasarkan sepertimana berikut:		Sijil penghargaan.	
					Jenis IP		Kriteria Pemberian
				a.	Paten		Produk inovasi hasil penyelidikan yang berjaya difailkan atau berjaya mendapat sijil paten pada tahun pemberian.
				b.	Utility Innovation		Produk inovasi hasil penyelidikan yang berjaya difailkan atau berjaya mendapat geran UI pada tahun pemberian.
				c.	Industrial Design		Produk inovasi hasil penyelidikan

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan			Insentif & Hadiah
						yang berjaya didaftarkan pada tahun pemberian.	
				d.	<i>Trademark</i>	Produk inovasi hasil penyelidikan yang berjaya didaftarkan pada tahun pemberian.	
				e.	<i>Copyright</i>	Produk inovasi hasil penyelidikan yang berjaya didaftarkan pada tahun pemberian.	
				f.	<i>Trade Secret</i>	Produk inovasi hasil penyelidikan yang berjaya didaftarkan di PPIP dan menyertai pertandingan pameran penyelidikan pada tahun pemberian.	
				Penapisan dan pemilihan di peringkat PPIP berdasarkan rekod aktiviti pemfailan, pendaftaran dan pensijilan harta intelek yang berdaftar dengan Bahagian Harta Intelek, PPIP. Harta intelek yang telah menerima Penghargaan Harta Intelek APUMS sebelum ini tidak layak untuk dipertimbangkan.			

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
				Pemilihan akhir dan pemuktamadan penerima Penghargaan harta intelek dilaksanakan di peringkat Jawatankuasa Induk Anugerah Penyelidik UMS.	
11.	Penghargaan Pengkomersialan	Penghargaan ini dibahagikan kepada: i. Produk R&D yang berjaya dikomersilkan Penilaian adalah berdasarkan kejayaan usaha mengkomersilkan harta intelek pada tahun pemberian. ii. Penjanaaan pendapatan Harta Intelek Penilaian adalah berdasarkan pencapaian menjanaaan pendapatan dari aktiviti pengkomersilan harta intelek pada tahun pemberian. iii. Pemindahan teknologi dan Pengetahuan Penilaian adalah berdasarkan geran yang diterima yang melibatkan komuniti (MySI, PPRN, NBOS, SATA, Challenge)	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI.	i. Pemilihan calon penerima penghargaan pengkomersilan adalah berdasarkan pencapaian aktiviti pengkomersilan harta intelek melalui usaha pengkomersilan dan penjanaaan hasil daripada usaha pengkomersilan tersebut. ii. Penjanaaan pendapatan dinilai berdasarkan rekod formal terimaan hasil pengkomersilan daripada pihak ketiga, samada dalam bentuk tunai ataupun bentuk terakru. Pengesahan dari Jabatan Bendahari UMS merupakan syarat wajib menentusahkan status penjanaaan pendapatan Harta Intelek. iii. Pemilihan dan pemuktamadan penerima Penghargaan pengkomersilan dan penjanaaan pendapatan Harta Intelek ditentukan dan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Induk Anugerah Penyelidik UMS bagi tahun penilaian.	Sijil penghargaan.
12.	Penghargaan Pemindahan Teknologi & Pengetahuan				

Bil.	Kategori Penghargaan	Asas Penghargaan	Bilangan Penerima	Kriteria Tambahan Pemilihan	Insentif & Hadiah
13.	Penghargaan Penjana Pendapatan Perkhidmatan dan Kepakaran	Penghargaan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah/penyelidik yang telah memberikan khidmat nasihat kepakaran bagi tahun penilaian.	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI.		Sijil penghargaan.
14.	Penghargaan Penerimaan Geran Kebangsaan, Swasta & Antarabangsa	Penghargaan diberikan kepada penyelidikan yang menerima geran kebangsaan, swasta dan antarabangsa yang berdaftar dan mempunyai akaun amanah dengan UMS.	Bilangan penerima penghargaan tidak dihadkan dan bergantung kepada rekod dalam SMPPI.	Geran kebangsaan, swasta dan antarabangsa yang telah diperakui oleh UMS.	Sijil penghargaan semua geran luar.
15.	Penghargaan Pencapaian MyRA Peringkat FAPI UMS	Penghargaan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu: i. 5 bintang ii. 6 bintang	Bilangan penerima penghargaan bergantung kepada rekod yang dipegang oleh PPP mengikut pembahagian asas berdasarkan sistem <i>report card</i> MyRA UMS	Memperolehi skor MyRA 5 dan 6 bintang bagi tahun penilaian.	Sijil penghargaan dan wang tunai (6 bintang = RM 15,000.00 5 bintang = RM 2,000.00)

Pemilihan penerima adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pencalonan APUMS.